



ih san

No.18 Jun 2006

MICA (P) 239/08/2005

Masa depan cerah ekor trend positif penghuni

Usaha terus dipergiat untuk mempertingkatkan keupayaan anak yatim dalam pendidikan

PENCAPAIAN mereka dalam pelajaran sering menjadi keperhatian Darul Ihsan memandangkan mereka yang diterima masuk untuk dibela dan dididik sebagai penghuni datangnya daripada latar belakang yang beraneka.

Sebagaimana biasa, keutamaan diberikan kepada anak-anak yatim yang benar-benar memerlukan setelah diteliti terutama dari segi kemampuan dan keupayaan ibu mereka.

Kebanyakan ibu tunggal kematian suami lebih suka bekerja untuk menyara hidup tetapi memerlukan bantuan untuk mengatasi masalah menjaga dan mendidik anak-anak mereka terutama dari segi pendidikan mereka.

Walaupun Darul Ihsan lebih menggalakkan ibu tersebut menjaga sendiri anak-anak mereka dan membantu persekolahan mereka tetapi terdapat juga ibu-ibu yang tidak berupaya untuk mendidik mereka.

Di Darul Ihsan mereka dihantar ke sekolah pemerintah mengikut peringkat pendidikan

mereka dan di asrama pula mereka dididik mengikut jadual yang diatur seperti kelas-kelas bimbingan atau tuisyen, kelas pendidikan agama dan mengaji serta beberapa kegiatan yang berasaskan pendidikan termasuk pendidikan akhlak

Sebagaimana biasa mereka diberi masa beristirahat pada hujung-ujung minggu termasuk mengikuti rancangan-rancangan riadah dan bersukan.

Pembangunan pendidikan anak-anak ini diuruskan oleh Jawatankuasa Pendidikan. yang bertanggungjawab memastikan setiap jadual rancangan pendidikan Darul Ihsan berjalan lancar di samping memantau kemajuan penghuni-penghuninya.

Langkah tersebut telah menghasilkan satu pencapaian yang lebih memuaskan bagi akhir tahun 2005 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Dalam satu majlis penyampaian hadiah kepada anak-anak yang berjaya dalam pendidikan mereka, pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Darul Ihsan, Cik Fuziah Muhd Taha, dalam

ucapan aluannya telah mendedahkan bahawa penghuni-penghuni Darul Ihsan lelaki dan perempuan telah menunjukkan trend yang positif dalam pencapaian mereka.

Di peringkat sekolah rendah peratusan menyeluruh yang lulus ialah 71.4% bagi penghuni-penghuni lelaki dan 86% penghuni-penghuni perempuan.

“Dengan wujudnya trend yang positif ini, mereka akan lebih berjaya apabila mereka ke

sekolah menengah,” tegas beliau sambil mengucapkan tahniah kepada penghuni-penghuni yang berjaya itu.

Dalam Majlis Penyampaian Hadiah yang diadakan pada 4 Februari 2006 itu penghuni-penghuni yang berjaya dalam beberapa kategori tertentu telah menerima hadiah berupa voucher dan piala yang didampai oleh Encik Yunus Valibhoy, presiden Persatuan Derma Amanah Muslimin.